

## **039 KHILAF MAKNA SAB<sup>c</sup>AH AHRUF**

**Shaharuddin Pangilun, Mohd. Mahfuz Jaafar**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

### **ABSTRAK**

Al-Quran dan Al-Qiraat itu indah, rahmatnya sentiasa menyelusuri umat akhir zaman, dari timur ke barat menjadi tatapan dan kajian sepanjang zaman. Kertas kerja ini mengutip kemosyikilan tentang kekhilafan para ‘ulama` terhadap maksud sebenar Sab<sup>c</sup>ah ahruf yang menjadi perbahasan dalam ulum al-Quran dan ‘ilm al-Qiraat. Banyak hadith diselusuri dan ditarjih bagi mendapat keabsahan makna sebenar, maksud Sab<sup>c</sup>ah ahruf. Dalam kertas kerja yang kecil ini penulis mendapat tiga keadaan yang menjadi khilaf utama di kalangan ‘ulama` iaitu makna kalimah Sab<sup>c</sup>ah, kalimah Ahruf dan maksud konsep Sab<sup>c</sup>ah ahruf itu sendiri. Penulis mencari jalan penyelesaian khilaf ‘ulama dengan membuat suatu rumusan iaitu menolak pendapat-pendapat yang tidak relevan dengan melihat asbab al-wurud hadith serta melihat pada kehendak makna hadith. Di mana cara ini telah dilakukan oleh ‘ulama`-‘ulama` mu<sup>c</sup>tabar yang terdahulu. Seterusnya memilih pendapat yang lebih rajih serta menyatukan pendapat-pendapat yang rajih, dan relevan pada memaknakan Sab<sup>c</sup>ah ahruf dengan kaedah jam<sup>c</sup> wa tawfiq seperti mana yang telah dilakukan oleh Imam Ibn al-Jazari. Walau apa pun maksud kalimah Sab<sup>c</sup>ah ahruf adalah mengikut kecenderungan bidang kepakaran masing-masing. Setelah melalui proses atau kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh ‘ulama` terdahulu dalam mencari makna Sab<sup>c</sup>ah Ahruf, dapat disimpulkan bahawa makna yang dapat disesuaikan dengan Sab<sup>c</sup>ah Ahruf adalah penurunan al-Qur`an dengan tujuh wajah (bentuk) bacaan yang kita lihat pada hari ini. Namun pada hakikatnya kalimah ini masih lagi menjadi kemosyikilan. Waullahu a’lam.

**Kata kunci:** Sab’ah ahruf, Takhrij hadith, Asbab al-wurud.

## PENDAHULUAN.

*Sab'ah ahruf* adalah dua perkataan yang cukup sinonim dengan al-Qur'an dan al-Qira`at. Ianya dipetik dari hadith Nabi s.a.w yang akan penulis datangkan pada isi kertas kerja ini berserta dengan martabat hadith tersebut. Perbahasan kertas kerja ini bukanlah membahaskan berkenaan dengan kemosykilan antara satu hadith dengan yang lain berkenaan dengan *Sab'ah ahruf*, akan tetapi penulis membahaskan berkenaan dengan kemosykilan dan kekhilafan para 'ulama` terdahulu terhadap makna *Sab'ah ahruf* itu sendiri. Sehingga kini masih belum terdapat nas sarih yang menjelaskan maksud sebenar *Sab'ah ahruf* sehingga sudah menjadi hal yang biasa sekiranya para 'ulama` mendatangkan ijtihadnya masing-masing dan berbeda pendapat dalam mentafsirkan maknanya.

Dalam kertas kerja ini penulis akan menyenaraikan pendapat-pendapat dan ijtihad 'ulama` terdahulu berkenaan dengan makna *Sab'ah ahruf* yang terdapat pada hadith Rasulullah s.a.w. dan pendapat-pendapat yang telah diguna pakai hingga ke hari ini. Mudah-mudah kertas kerja ini serba sedikit dapat memberi pendedahan kepada kita berkenaan kemosykilan makna yang terdapat pada kalimah *Sab'ah ahruf* dan perkongsian yang bermenafaat. *Wallahu `adlam*.

## HADITH-HADITH BERKENAAN SAB'AH AHRUF.

- Hadith Pertama.

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ يَقُولُ سَمِعْتُ هِشَامَ بْنَ حَكِيمٍ يَقْرَأُ سُورَةَ الْفُرْقَانِ فِي حَيَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَمَعْتُ لِقِرَاءَتِهِ فَإِذَا هُوَ يَقْرَأُ عَلَى حُرُوفٍ كَثِيرَةٍ لَمْ يُقْرَئِنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكِدْتُ أُسَارِرُهُ فِي الصَّلَاةِ فَتَصَبَّرْتُ حَتَّى سَلَّمَ فَلَبِيَتْهُ بِرِدَائِهِ فَقُلْتُ مَنْ أَقْرَأَكَ هَذِهِ السُّورَةَ الَّتِي سَمِعْتُكَ تَقْرَأُ قَالَ أَقْرَأَنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ كَذَبْتَ أَقْرَأَنِيهَا عَلَى غَيْرِ مَا قَرَأْتَ فَأَنْطَلَقْتُ بِهِ أَقْوَدُهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ إِنِّي سَمِعْتُ هَذَا يَقْرَأُ سُورَةَ الْفُرْقَانِ عَلَى حُرُوفٍ لَمْ تُقْرَئِنِيهَا فَقَالَ أَرْسِلْهُ أَقْرَأْهُ يَا هِشَامُ فَقَرَأَ الْقِرَاءَةَ الَّتِي سَمِعْتُهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ كَذَلِكَ أُنْزَلْتُ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْرَاً يَا عُمَرُ فَقَرَأْتُ الَّتِي  
أَقْرَأْنِي فَقَالَ كَذَلِكَ أُنْزَلْتُ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ فَاقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ  
مِنْهُ.

Maksudnya: Diriwayatkan daripada <sup>c</sup>Umar ibn al-Khattab r.a beliau berkata: Aku mendengar Hisyām ibn Hakim membaca surah *al-Furqān* semasa Rasulullah s.a.w masih hidup, lalu aku mendengar dengan teliti bacaannya dan aku dapati dia membaca dengan banyak cara bacaan yang tidak pernah diajarkan kepadaku oleh Rasulullah s.a.w. Aku hampir-hampir menariknya keluar daripada solat tetapi aku bersabar sehingga selepas solat lalu aku mencekak pakaianya sambil berkata: Siapa yang membacakan kepadamu surah ini dengan bacaan yang aku dengar tadi? Lalu dia menjawab: Rasulullah s.a.w. yang mengajarku. Lalu aku berkata: Engkau telah berdusta. Rasulullah s.a.w. telah mengajarku dengan bacaan yang tidak sama dengan bacaanmu. Lalu aku membawanya berjumpa Rasulullah s.a.w. dan aku berkata [kepada Rasulullah s.a.w.]: Sesungguhnya aku telah mendengarnya [Hisyām ibn Hakim] membaca surah *al-Furqān* dengan bacaan-bacaan yang tidak pernah kau ajarkan kepadaku. Lalu sabda Rasulullah s.a.w.: Lepaskan dia wahai <sup>c</sup>Umar, bacalah wahai Hisyām. Lalu Hisyām membaca seperti yang aku dengar tadi. Rasulullah s.a.w bersabda: Begitulah ia diturunkan. Bacalah wahai <sup>c</sup>Umar. Lalu aku membaca seperti yang diajar oleh baginda. Baginda bersabda: Begitulah ia diturunkan, sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan tujuh *ahruf* [cara-cara bacaan], maka bacalah apa yang mudah daripadanya.

- Hadith Kedua.

عَنْ عَاصِمٍ عَنْ زِرٍّ بْنِ حُبَيْشٍ عَنْ أَبِي بْنِ كَعْبٍ قَالَ لَقِيَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ جِبْرِيلَ فَقَالَ يَا جِبْرِيلُ إِنِّي بُعْثِتُ إِلَى أُمَّةٍ أَمْيَنَ مِنْهُمْ الْعَجُوزُ وَالشَّيْخُ الْكَبِيرُ  
وَالْعَلَامُ وَالْجَارِيَةُ الرَّجُلُ الَّذِي لَمْ يَقْرَأْ كِتَابًا قَطُّ قَالَ يَا مُحَمَّدُ إِنَّ الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى  
سَبْعَةِ أَحْرُفٍ.

Maksudnya: Diriwayatkan daripada <sup>c</sup>Āsim daripada Zirr ibn Hubaysy daripada Ubayy ibn Ka<sup>c</sup>b beliau berkata: Rasulullah s.a.w telah bertemu Jibril lalu bersabda: Wahai Jibril, sesungguhnya aku diutuskan kepada umat yang buta huruf, di antara mereka terdapat lelaki dan wanita tua, kanak-kanak, hamba perempuan dan lelaki yang tidak langsung tidak tahu membaca; lalu Jibril berkata: Wahai Muhammad s.a.w, sesungguhnya al-Quran itu diturunkan dengan tujuh *ahruf*.

- Hadith Ketiga.

**عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ حَدَّثَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَقْرَأَنِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عَلَى حَرْفٍ فَرَاجَعْتُهُ فَلَمْ أَرَلْ أَسْتَرِيدُهُ فَيَزِيدُنِي حَتَّى اتَّهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ.**

Maksudnya: Dari Ibn 'Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Mula-mula Jibril membacakan al-Qur'an kepadaku satu cara bacaan sahaja. Lalu aku sentiasa meminta ditambah diulangkannya kepadaku, maka Jibril mengulang-ulangkannya sehingga akhirnya bacaan itu menjadi tujuh cara bacaan.

Penulis hanya mendatangkan tiga sahaja hadith yang menyebut berkenaan *Sab'ah ahruf*. Akan tetapi banyak lagi hadith-hadith lain yang ada menyebut berkenaan dengan *Sab'ah ahruf*. Dalam kertas kerja ini juga penulis ada berkesempatan melakukan *takhrij Hadith* berkenaan dengan hadith *Sab'ah ahruf* daripada Sahih Bukhari dan Muslim sahaja.

#### **Takhrij Hadith Sab'ah Ahruf:**

الصفحة	الجزء	الباب	كتاب	رقم
391	15	أنزل القرآن على سبعة أحرف	صحيح البخاري	1
392	15	أنزل القرآن على سبعة أحرف	صحيح البخاري	2
459	15	من لم ير بأساً أن يقولوا سورة البقرة	صحيح البخاري	3
256	4	بيان أن القرآن على سبعة أحرف	صحيح مسلم	4
257	4	بيان أن القرآن على سبعة أحرف	صحيح مسلم	5

Terdapat juga hadith yang sama disebut dalam *Sunan Abi Daud*, *Sunan Al-Tarmidzi*, *Sunan Al-Nas'i*, *Musnad Ahmad* (yang paling banyak disebut), *Sunan Kubra li Al-Baihaqi*, *Bughyah Al-Harith*, *Sunan Kubra Li Al-Nas'i* dan lain-lain lagi.

Apa yang jelas di sini ialah hadith berkenaan dengan *Sab'ah ahruf* ini didapati sahih, dan tidak dapat disangkal lagi tentang martabatnya.

### **Khilaf Makna (*Sab'ah Ahruf*).**

Pada umumnya, sekiranya dilihat maksud hadith-hadith di atas, *Sab'ah ahruf* bermaksud penurunan al-Qur'an dengan tujuh wajah (bentuk) bacaan. Ia bertujuan memberi keringanan kepada umat Islam ketika itu yang mempunyai pelbagai latar belakang fizikal dan sosio budaya yang menyukarkan mereka menyebut dan membaca al-Qur'an dengan hanya satu bentuk bacaan yang menyukarkan lidah mereka menyebutnya terutama yang berlainan dengan *lahjah* (dialek) kabilah mereka. Akan tetapi ada terdapat banyak pendapat pada memberi maksud sebenar pada kalimah *Sab'ah ahruf*. Sehingga di dalam kitab *al-Itqān fi 'Ulum al-Qur'an* karangan *al-Imam Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-Suyūti* ada menyenaraikan empat puluh pendapat dalam mentafsirkan *Sab'ah Ahruf*. Kalimah ini juga boleh dikategorikan sebagai lafaz yang *musytarak* iaitu lafaz yang mempunyai banyak kemungkinan makna.

Pada pandangan penulis, kekhilafan pada makna kalimah *Sab'ah Ahruf* ini terbahagi kepada tiga keadaan, dan setiap tiga keadaan itu mempunyai pelbagai khilaf 'ulama'.

1. khilaf pada memaknakan kalimah *Sab'ah*.
2. khilaf pada memaknakan kalimah *Ahruf*.
3. khilaf pada isi kandungan yang terdapat dalam *Sab'ah Ahruf*.

Pada hadith-hadith di atas, tidak disebut langsung di dalamnya ayat al-Qur'an yang berlaku khilaf terhadap para sahabat. Oleh sebab itulah berlakunya khilaf 'ulama' pada meletakkan makna sebenar *Sab'ah Ahruf*. Namun jika dilihat pada *asbab al-wurud* hadith, ia menunjukkan kekhilafan para sahabat terhadap wajah-wajah *qira'at* dalam membaca al-Qur'an. Di antara sebab lain berlakunya khilaf adalah kerana kecenderungan dan perbezaan bidang setiap 'ulama' yang mentafsirkan makna *Sab'ah Ahruf*. Iaitu kecenderungan dalam bidang *fiqh*, bidang *nahw*, *tafsir*, *'aqidah* dan *qira'at*. Dan bermulanya berlaku kekhilafan pada memaknakan kalimah *Sab'ah Ahruf* adalah pada zaman *tabi'in*.

### **Perselisihan Pendapat 'Ulama'.**

#### **Pertama: Makna (*Ahruf*).**

vii. Berkata *Ibn Sa<sup>c</sup>dan al-Nahwi*, ahli lughah: *Al-Harf*, kata jam<sup>c</sup> (*ahruf*) ialah sesuatu yang musykil yang tidak diketahui maknanya, kerana bahawasanya *al-harf* ialah salah satu daripada *huruf-huruf al-tahajji* seperti satu bahagian dari kalimah. *Harf* juga bermaksud tiap-tiap sesuatu yang di hujung atau arah.

vii. Berkata Imam Abu Amru Ad-Dani, makna *al-ahruf* terbahagi kepada dua:

**Pertama** ialah, sesungguhnya al-Qur`an itu diturunkan di atas 7 wajah dari bahasa-bahasa kerana (*al-ahruf*) itu kata *jam<sup>c</sup>* kepada (*harf*). Huruf yang dimaksudkan di sini ialah wajah.

**Kedua** ialah yang dimaksudkan dengan *ahruf* itu adalah *qira`at* dari sudut pengertian yang lebih luas.

vii. Berkata pengarang kitab *Al-Hujjah Al-Qurra' Al-Sab<sup>c</sup>iyyah*, Imam Ali Hassan Abdul Ghaffar Al-Farisi. Kedua-dua maksud tersebut adalah berkait rapat. Yang pertama yang disandarkan pada hadis Nabi S.A.W. (*sab<sup>c</sup>ata ahruf*) dan yang kedua adalah berdasarkan hadis Nabi S.A.W yang menceritakan kisah Saidina Umar dan Hisyam dengan merujuk pada *qira`at* (*ahruf kathirah*).

### **Kedua: Makna (*Sab'ah*)**

- i. *Qadi Iyad* dan ‘ulama’ yang sepakat dengannya mengatakan (*sab<sup>c</sup>ah*) tujuh itu bukan angka bilangan yang hakiki, akan tetapi ia menunjukkan angka bilangan ma<sup>c</sup>nawi atau majazi, yang menunjukkan sesuatu jumlah yang banyak. Dan sebagai pemudah bahasa, dalam bahasa Arab dan tidak diketahui jumlah yang sebenar.
- ii. Ada pendapat lain yang mengatakan (*sab<sup>c</sup>ah*) tujuh itu adalah angka bilangan yang hakiki, iaitu tujuh wajah bacaan dalam al-Qur`an. Ia tidak terkeluar dari rukun-rukun *Qira`at*.

### **Ketiga: Khilaf Pada Isi Kandungan *Sab'ah Ahruf*.**

- i. Ia adalah khilaf dari segi bahasa-bahasa. 1- Bahasa Bani Quraisy. 2- Bahasa Bani Huzail. 3- Bahasa Bani Thaqif. 4- Bahasa Bani Hawazin. 5- Bahasa Bani Kinanah. 6- Bahasa Bani Tamim. 7- Bahasa Ahli Yaman.

Kata *Abu Hatim al-Sajistani*, Al-Qur`an diturunkan dengan bahasa Quraisy, Huzail, Tamim, Al-Azd, Rabi<sup>c</sup>ah, Hawazin, dan Sa<sup>c</sup>d bin Bakr.

- ii. Yang dikenali dengan *Sab<sup>c</sup>ah Ahruf* itu ialah pecahan-pecahan bahasa daripada bahasa Arab yang mana diturunkan denganya Al-Qur`an. Ini bermakna bahawa bahasa Al-Quran tidak lari daripada tujuh bahasa yang menjadi bahasa fasih (kepakaran) orang-orang Arab. Bahasa yang paling banyak digunakan di dalam Al-Quran ialah bahasa Quraisy. Antara lain bahasa Bani Huzail, Thaqif, Hawazin, Kinanah, Tamim dan Yaman. Inilah tujuh bahasa Al-Qur`an. Sesungguhnya tujuh bahasa ini terdapat begitu banyak di dalam surah-surah Al-Qur`an kerana ianya bahasa (sebutan) yang berbeza-beza tetapi membawa makna yang sama. Kata Abu <sup>c</sup>Ubaid, "Bukanlah setiap kalimah itu dibaca dengan tujuh bentuk (bacaan) tetapi ketujuh-tujuh bentuk bacaan ini terdapat secara rawak di dalam al-Qur`an."
- iii. Yang dimaksudkan dengan *Sab<sup>c</sup>ah Ahruf* ialah tujuh *wajah* iaitu, *wajah* perintah (*amr*), larangan (*nahy*), janji-jani baik (*wa<sup>c</sup>du*) dan ancaman (*wa<sup>c</sup>id*), perdebatan (*jadal*), kisah-kisah (*qasas*) dan perumpamaan (*mathal*).  
Daripada Ibn Mas'ud, bersabda Nabi S.A.W, "adalah sesungguhnya *Al-Kitab Al-Awwal* (kitab terdahulu) diturunkan atas *bab* (perkara) dan *huruf* yang satu, manakala Al-Qur`an diturunkan dalam *bab* (perkara) dan *huruf* yang tujuh iaitu, larangan (*nahi*), suruhan (*amr*), *halal*, *haram*, *al-mahkum*, *al-mutashabih*, dan perumpamaan (*amthal*)."
- iv. Pendapat yang dikeluarkan oleh *Imam Al-Jazari Rahimahullah*, yang dimaksudkan dengan *Sab<sup>c</sup>ah Ahruf* ialah:
- 1- Pada perbezaan baris tanpa mengubah makna dan *surah* (bentuk) contoh:  
*(يَحْسِبُ)*.
- 2- Pada perbezaan makna sahaja contoh:  
*(فَتَلَقَى عَادَمَ مِنْ رَبِّهِ كَلْمَةً)*
- 3- Pada perbezaan huruf dengan berubahnya makna tidak pada *surah* (bentuk), contoh:  
*(تَبَلُوا ، تَتَلُوا)*.

- 4- Pada perbezaan *surah* (bentuk) tidak pada makna contoh: (الصراط ، السراط).
- 5- Pada perbezaan makna dan *sighah* (bentuk) contoh: (أَشَدُهُمْ ، أَشَدُهُمْ).
- 6- Pada perbezaan pengawalan dan pengakhiran contoh:  
(فِيَقْتُلُونَ وَ يُقْتَلُونَ) (فِيَقْتَلُونَ وَ يَقْتُلُونَ)
- 7- Pada perbezaan penambahan dan pengurangan contoh: (وَوَصَّى) (وَوَصَّى).
- vii. Apa yang dimaksudkan dengan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf* ialah wajah-wajah perubahan yang tujuh, yang mana berlaku kekhilafan di dalamnya. Ini adalah pendapat *Imam Fakhruddin Al-Razi*.
1. Perbezaan *al-asma'* (nama) daripada *mufrad* atau *muthanna* atau *jam<sup>c</sup>* dan perbezaan antara *muzakkar* atau *mu`annath*. Contoh:  
(والذين هم لامناتهم و عهدهم رعون)
  2. Perbezaan antara *tasrif al-af<sup>c</sup>al* terdiri daripada *madhi*, *mudhari<sup>c</sup>* dan *amr*. Contoh:  
(رَبَّنَا بَاعِدْ بَيْنَ أَسْفَارِنَا) (رَبَّنَا بَاعِدْ بَيْنَ أَسْفَارِنَا)
  3. Perbezaan antara *wajah-wajah 'irab*. Contoh:  
(ما هذَا بَشَرًا ، ما هذَا بَشَرًا).
  4. Perbezaan antara *al-ziadah* (penambahan) dan *al-naqs* (pengurangan). Contoh:  
(تحتَهَا الأَهْمَار ، مِنْ تَحْتِهَا الأَهْمَار).
  5. Perbezaan antara *taqdiim* (pengawalan) dan *ta'khir* (pengakhiran). Contoh:  
(فِيَقْتُلُونَ وَ يُقْتَلُونَ).
  6. Perbezaan antara *ibdal* (ganti) huruf. Contoh: (كيف ننشرها ، كيف ننشرها).
  7. Perbezaan antara *lahjaat* (sebutan bahasa). Seperti *al-fath*, *imalah*, dan *taqlil* serta *tarqiq* (tebal) dan *tafkhim* (nipis). Contoh: (هل أَتَكَ حَدِيثَ مُوسَى)

- vii. Ada yang mengatakan bahwa yang dimaksud *Sab<sup>c</sup>ah ahruf* adalah *qira`at sab<sup>c</sup>ah*. Dan menegaskannya dengan tujuh *qira`at* dari tujuh imam *qurra`* iaitu *Nafi<sup>c</sup>, Ibn Kathir, Abu <sup>c</sup>Amru, Ibn <sup>c</sup>Amir, <sup>c</sup>Asim, Hamzah* dan *Kisa`i*.
- vii. Pendapat Syihab al-Din <sup>c</sup>Abd al-Rahman Bin Isma<sup>c</sup>il bahawasanya *Sab<sup>c</sup>ah ahruf terdiri dari* usul *qiraat* contohnya: *silah mim al-jam<sup>c</sup>, silah ha` al-dhamir, idgham dan idzhar, mad* dan *qasr, tahqiq* dan *takhfif hamzah, imalah, waqf* dengan *sukun* atau *isymam*.

## RUMUSAN.

Penulis mendapati jalan penyelesaian yang dapat dibuat pada permasalahan ini ialah dengan tiga jalan:

- i. Menolak pendapat-pendapat yang tidak relevan pada memaknakan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*. Dan dengan melihat *asbab al-wurud* hadith serta melihat pada kehendak makna hadith. Cara ini telah dilakukan oleh <sup>c</sup>ulama`-<sup>c</sup>ulama` mu<sup>c</sup>tabar yang terdahulu seperti *Imam Ibn al-Jazari*.
- ii. Menggunakan kaedah *al-tarjih*, iaitu dengan memilih pendapat yang lebih *rajih*.
- iii. Menyatukan pendapat-pendapat yang rajih, dan relevan pada memaknakan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*. (*Jam<sup>c</sup> wa al-tawfiq*). Cara ini juga adalah cara yang telah dilakukan oleh *Imam Ibn al-Jazari*

### Pendapat Ditolak:

Terdapat pendapat mengatakan bahwa yang dimaksud *Sab<sup>c</sup>ah ahruf* adalah *qira`at sab<sup>c</sup>ah*. Dan menegaskannya dengan tujuh *qira`at* dari tujuh imam *qurra`* iaitu *Nafi<sup>c</sup>, Ibn Kathir, Abu <sup>c</sup>Amru, Ibn <sup>c</sup>Amir, <sup>c</sup>Asim, Hamzah* dan *Kisa`i*.

Hujjah penolakannya: *Qira`at sab<sup>c</sup>ah* adalah merupakan tujuh perawi imam *qurra`* yang meriwayatkan wajah-wajah *qira`at* yang disusun oleh *Imam al-Syatibi* pada zaman tabi<sup>c</sup>in. Manakala *Sab<sup>c</sup>ah ahruf* pula adalah wajah-wajah bacaan di dalam al-qur`an. Ia merupakan dua perkara yang berlainan, yang kebetulan sama pada angka *sab<sup>c</sup>ahnya*.

### Pendapat Marjuh:

Pendapat yang ketiga iaitu yang dimaksudkan dengan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf* ialah tujuh *wajah* iaitu, wajah perintah (*amr*), larangan (*zajr*), *halal* dan *haram*, janji-janji baik (*al-wa<sup>c</sup>du*) dan ancaman (*al-wa<sup>c</sup>id*), perdebatan (*jadal*), kisah-kisah (*qasas*) dan perumpamaan (*al-mathal*).

Hujjah pentarjihannya: Jika kembali kepada makna asal hadith berkenaan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf* ialah kekhilafan wajah bacaan yang berlaku pada satu perkataan di dalam al-Qur`an, akan tetapi memberi makna yang sama. Oleh itu, tidak mungkin satu kalimah dalam ayat al-Qur`an yang asal maknanya haram diubah menjadi halal atau makna perintah berubah menjadi tegahan di sebabkan perbezaan wajah bacaannya. Dan jika dilihat pada *asbab al-wurud* hadith, ia lebih berkisar kepada wajah-wajah bacaan yang berbeza, bukan hukum-hakam yang berbeza. Dan pendapat yang rajihnya ialah, pendapat yang berkisar kepada wajah bacaan yang berbeza dan tidak mengubah makna. Dan didapati, pendapat yang *rajih* ialah pendapat *al-Imam Ibn al-Jazari* dan *al-Imam fakhr al-Din al-Razi*.

### **Menyatukan Pendapat-Pendapat Yang Sama Maksud (*Jam<sup>c</sup>u wa al-Tawfiq*).**

Penulis mendapati, pendapat-pendapat ‘ulama` yang lain pada memaknakan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*, yang tidak terkeluar dari maksud (wajah-wajah qira`at) boleh diharmonikan dan disatukan. Pendapat yang diterima dan diguna pakai sehingga ke hari ini adalah pendapat *al-Imam Ibn al-Jazari* kerana pendapatnya merangkumi kesemua pendapat-pendapat yang rajih dalam memaknakan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*. Beliau sendiri berpendapat bahawa sekiranya setiap mana-mana pendapat ‘ulama` yang tidak lari dari maksud (wajah-wajah qira`at), ia boleh diterima pakai. Beliau sendiri mengakui bahawa masih lagi musykil pada hadith berkenaan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*. Beliau mengkaji dan berfikir mengenainya selama tiga puluh tahun barulah beliau mengeluarkan pendapat dan ijтиhad beliau.

### **KESIMPULAN.**

Setiap ‘ulama` mempunyai pendapat yang pelbagai mengikut kecenderungan bidangnya masing-masing dalam memaknakan kalimah *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*. Dan setelah melalui proses atau kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh ‘ulama`- ‘ulama` terdahulu dalam menangani kepelbagaiannya pendapat ‘ulama` dalam mencari makna *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*, dapat disimpulkan bahawa makna yang

dapat disesuaikan dengan *Sab<sup>c</sup>ah ahruf* adalah penurunan al-Qur`an dengan tujuh wajah (bentuk) bacaan. Walaupun pada hakikatnya kalimah ini masih lagi musykil, tidak diketahui apa maksud sebenar *Sab<sup>c</sup>ah ahruf*. Sebagaimana kata-kata *al-Imam Ibn al-Jazari Rahimahullahu Ta<sup>c</sup>ala*. Wallahu Ta<sup>c</sup>ala A<sup>c</sup>lam.

## **RUJUKAN.**

- Ahmad Mahmud <sup>c</sup>Abd al-Sami<sup>c</sup> al-Hafyan. 2001. *Asyjur al-Mustalahat fi Fan al-Ada` wa <sup>c</sup>Ilm al-Qira`at*. Cet.1. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah,
- Al-Suyuti, Jalaluddin <sup>c</sup>Abd al-Rahman al-Suyuti. *al-Itqan fi <sup>c</sup>Ulum al-Qur`an*. al-Jaza`ir: Dar al-Huda.
- Al-Tabari Imam Abi Ja<sup>c</sup>far Muhammad Jarir. 1997. *Tafsir al-Tabari, Jami<sup>c</sup> al-Bayan <sup>c</sup>an Ta`wil wa al-Qur`an*. Cet. 1. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Dr. Fadl Hasan <sup>c</sup>Abbas. 2008. *al-Qira`at al-Qur`aniyah Wa Ma Yata<sup>c</sup>allaqu Biha*. Cet. 1. Jordan: Dar al-Nafa`is,
- Dr. Sya<sup>c</sup>ban Muhammad Ismail. 1999. *al-Qira`at Ahkamuha wa masdaruhu*. Cet. 2. Kaherah: Dar al- Salam.
- Khalid Muhammad al-Hafidz. 1413H. *Taqrib al-Ma<sup>c</sup>ani Fi Syahr Hirz al-Amani Fi al-Qira`at al-Sab<sup>c</sup>*. Cet. 1. Madinah al-Munawwarah: Dar al-Zaman.